National Cyber Security Centre
a part of GCHQ

Australian Government
Australian Signals Directorate

ASD AUSTRALIAN SIGNALS DIRECTORATE
ACSC Australian Cyber Security Centre

BND

Bundesamt für Verfassungsschutz

Communications Security Establishment
Canadian Centre for Cyber Security

Centre de la sécurité des télécommunications
Centre canadien pour la cybersécurité

National Cyber Security Centre
PART OF THE GCSB

Panduan Nasihat

BADBAZAAR dan MOONSHINE: Analisis dan mitigasi teknikal

9 April 2025

BADBAZAAR and MOONSHINE: Analisis dan mitigasi teknikal

Ringkasan

Dengan sokongan Cyber League UK, panduan nasihat ini telah dihasilkan bersama The National Cyber Security Centre (NCSC UK) dan rakan-rakan kongsi antarabangsa mereka.

- **The Australian Cyber Security Centre (Pusat Keselamatan Siber Australia) sebahagian daripada The Australian Signals Directorate (Direktorat Semboyan Australia)**
- **The Canadian Centre for Cyber Security (Pusat bagi Keselamatan Siber Kanada), sebahagian daripada The Communications Security Establishment (Pertubuhan Keselamatan Komunikasi)**
- **The German Federal Intelligence Service (Perkhidmatan Perisikan Persekutuan Jerman)**
- **The German Federal Office for the Protection of the Constitution (Pejabat Persekutuan Jerman bagi Perlindungan Perlembagaan)**
- **The New Zealand National Cyber Security Centre (Pusat Keselamatan Siber Kebangsaan New Zealand), sebahagian daripada The Government Communications Security Bureau (Biro Keselamatan Komunikasi Kerajaan)**
- **The United States Federal Bureau of Investigation (Biro Penyiasatan Persekutuan Amerika Syarikat)**
- **The United States National Security Agency (Agensi Keselamatan Kebangsaan Amerika Syarikat)**

Panduan nasihat ini menyampaikan hasil risikan yang baharu dan dikumpul bersama berkenaan dua varian spyware yang dikenali sebagai BADBAZAAR dan MOONSHINE, dan mengandungi nasihat kepada para pengendali stor app, pembangun dan syarikat media sosial untuk membantu memastikan keselamatan pengguna mereka terjaga.

Panduan nasihat ini diterbitkan selari dengan panduan nasihat bagi mangsa malware ini.

Dokumen ini menggunakan definisi kosa kata NCSC bagi spyware: "Sejenis malware yang dipasang dalam sesuatu alat peranti tanpa kebenaran pengguna, memungut data dan kemudian menghantarkannya kepada pihak ketiga".

Kajian kes satu: MOONSHINE

MOONSHINE ialah satu spyware Android spyware yang dilaporkan pada 2019 oleh Citizen Lab sebagai spyware yang menjadikan kumpulan-kumpulan Tibet sasarannya. MOONSHINE berpura-pura sebagai sebuah app sahih yang mengumpan mangsa untuk memasangnya. Ia telah dikongsi melalui saluran-saluran Telegram dan melalui pautan yang dikirim melalui WhatsApp.

Kajian NCSC terhadap MOONSHINE menunjukkan perkara-perkara berikut:

- MOONSHINE menggunakan sebuah pengantaramuka pengurusan yang telah mengalami perubahan semenjak pertama kali ia dilaporkan.
- Pengantaramuka pengurusan itu telah mendedahkan keupayaan risikan yang meluas, termasuk keupayaan untuk menyahfiltrasikan fail daripada alat-alat peranti selain menangkap audio dan rakaman skrin yang sedang disiar langsung.
- Sebuah set pengantaramuka pengurusan MOONSHINE yang dihoskan secara maya telah ditemui. Pengantaramuka ini memiliki infrastruktur yang bertindih dengan panel-panel daftar masuk yang dikaitkan dengan UPSEC, yang menurut Intelligence Online merujuk kepada 'Sichuan Dianke Network Security Technology Co., Ltd.'.

Pengantaramuka Pengurusan

Laporan terdahulu mengenai pengantaramuka pengurusan MOONSHINE menunjukkan bahawa ia telah mengalami perubahan, yang mencadangkan ia sedang dibangunkan lagi secara berterusan.

Contoh pertama pengantaramuka pengurusan itu telah ditemui dalam laporan Citizen Lab's 2019.



Rajah 1: Pengantaramuka pengurusan MOONSHINE yang kelihatan dalam laporan Citizen Lab's 2019 'Missing Link Tibetan Groups Targeted with 1-Click Mobile Exploits'.

Pada awal 2022, Lookout melaporkan sebuah pengantaramuka pengurusan berbeza yang telah direkabentuk semula agar ia kelihatan seperti yang ditunjukkan di bawah (yang menggantikan pengantaramuka dahulu dalam Rajah 1):



Rajah 2: Pengantaramuka pengurusan MOONSHINE yang kelihatan dalam Laporan 2022 Lookout 'MOONSHINE: Evolving Android Surveillanceware by Chinese APT POISON CARP To Target Tibetans and Uyghurs'.

Pada Ogos 2023, satu imbasan arahan dan kawalan MOONSHINE (C2) telah mendedahkan satu pengantaramuka yang serupa dengan pengantaramuka 2022 dengan fungsi '**Forget Password**' yang tidak lagi disediakan sebagai yang diberi dalam Rajah 2:



Rajah 3: Pengantaramuka pengurusan MOONSHINE yang diperhatikan pada Ogos 2023 yang tidak lagi mempunyai sebuah peringatan 'Forget Password'.

Siasatan lanjut pengantaramuka pengurusan itu menunjukkan konten di dalam panel tersebut yang mendedahkan bagaimana butir-butir alat-alat peranti yang dikompromi akan disimpan.



Rajah 4: Laman web di belakang laman daftar masuk pengantaramuka pengurusan MOONSHINE.

Kajian Lookout menunjukkan penghuluran sebuah '**score**' daripada alat peranti mangsa kepada server-server MOONSHINE C2. Nilai 'score' ini adalah berdasarkan kebenaran kelulusan sampel berniat jahat itu pada alat peranti mangsa tersebut.

Kolum 'if_contact', 'if_location', 'if_call_log' dan 'if_sms' di dalam halaman tersebut mencadangkan bukan semua sampel MOONSHINE mempunyai akses penuh kepada alat-alat peranti yang dikompromi. Pengetahuan mengenai

kolum-kolum ini dan 'score' yang dihulurkan daripada alat peranti itu kepada C2 mencadangkan pelaku ancaman ini menggunakan skor itu untuk mengkomunikasikan tahap akses yang ada pada malware itu ke atas alat peranti yang dikompromi berkenaan kepada individu yang sedang mengakses pengantaramuka pengurusan itu.

Umumnya, nasihat amalan-terbaik untuk menghalang app-app daripada memungut maklumat daripada alat peranti ialah untuk memeriksa izin app bagi apa-apa perkara yang luar biasa sebelum memuat turunkannya. Namun begitu, sampel-sampel MOONSHINE mencari izin yang relevan untuk kefungsian app tersebut, jadi ia mungkin kelihatan biasa sahaja, tetapi ia juga akan menggunakan izin ini untuk memungut maklumat daripada alat-alat peranti.

MOONSHINE juga mempunyai sebuah Pengantaramuka Pemprograman Aplikasi (Application Programming Interface) (API) yang mendedahkan cakupan keupayaannya. Versi-versi awal dokumentasi API mengandungi nama-nama API dalam Bahasa Mandarin.

Hos-hos Virtual

Dalam carian bagi panel-panel MOONSHINE, contoh-contoh yang dihos secara virtual atau maya telah ditemui. Pengehosan virtual ialah apabila satu alamat IP boleh menghoskan pelbagai laman web dengan sekaligus. Alamat-alamat IP contoh-contoh yang dihoskan secara virtual ini dan domain-domain yang dihoskan tidak diperhatikan di dalam mana-mana sampel malware yang diketahui.

Contoh-contoh pengantaramuka pengurusan ini berbeza, kerana tajuk halaman-halaman ini ialah '**LOGIN**' dan bukannya '**SCOTCH ADMIN**' yang kelihatan sebelum ini.



Rajah 5: Pengantaramuka pengurusan MOONSHINE yang menggunakan tajuk LOGIN dan bukannya SCOTCH ADMIN.

Selai itu, konten pada panel tersebut juga berbeza daripada Rajah 4, sebagaimana yang dilihat dalam Rajah 6:

Rajah 6: Laman web di belakang halaman daftar masuk pengantaramuka pengurusan MOONSHINE yang dihoskan secara virtual

Panel dalam Rajah 6 nampaknya ialah sebuah versi yang telah diringkaskan daripada panel dalam Rajah 4. Ciri-ciri bertindih dalam panel-panel ini ialah nama-nama kolum 'id', 'manufacturer' dan 'model' dalam rajah tersebut.

Contoh-contoh MOONSHINE yang dihoskan secara virtual yang ditemui ialah:

Domain	Alamat IP
vsa.ahamar[.]com	194.71.107[.]160
gates.chatonlineapp[.]com	172.67.208[.]167
www.onlineweixin[.]net	103.254.108[.]108
www.weetogether[.]top	103.254.108[.]108
www.onlinewxapp[.]net	103.43.18[.]43
www.unusualtransaction[.]com	2.58.15[.]101
m.leak-news[.]com	103.56.17[.]194
www.unusualtransaction[.]com	46.246.98[.]209
www.lodepot[.]com	62.72.58[.]168
www.online-wechat[.]com	103.254.108\.]87

Domain-domain ini telah disenarai oleh Trend Micro sebagai kit eksploitasi MOONSHINE, yang bertanggungjawab atas pengeksploitasian kerentanan browser untuk memasang malware pada alat-alat peranti mudah alih. Trend Micro menamakan malware ini 'Dark Nimbus'.

Sebagai penjelasan, pengantaramuka pengurusan MOONSHINE ialah apa yang dikomunikasi oleh sampel-sampel malware MOONSHINE, dan ke mana data mangsa dinyahfiltrasikan. Kit pengeksploitasian MOONSHINE yang dilaporkan Trend Micro, ialah keupayaan berasingan yang mengeksploitasikan kerentanan pelayar untuk memasang sebuah malware yang dipanggil Dark Nimbus pada alat-alat peranti mudah alih. Selanjutnya, Dark Nmbus dan MOONSHINE ialah malware yang sama sekali berbeza.

Kedua-dua pengantaramuka pengurusan MOONSHINE dan kit pengeksploitasian MOONSHINE mempunyai kod yang bertindih, dan inilah sebabnya terdapat peringatan daftar masuk serupa dalam Rajah 3 dan 5 selain konten halaman dalam Rajah 4 dan 6. Mereka kedua-duanya juga mengandungi string 'webpackJsonpreact-scotchui' dalam kod sumber.

Pelaku ancaman telah menjanakan pautan URL yang dihubungkan kepada kit eksploitasi MOONSHINE dan kemudiannya diarahkan kembali kepada video-video yang relevan kepada orang Tibet dan Uyghur, yang bertindih dengan penyasaran MOONSHINE.

Di sekitar kebanyakan alamat-alamat IP yang menghoskan domain kit eksploitasi MOONSHINE, terdapat satu halaman daftar masuk bertajuk 'VLiteUI' pada port 444. Halaman ini tidak diperhatikan dengan begitu meluas dan kehadirannya pada IP-IP ini menunjukkan terdapat kemungkinan kaitannya kepada pengoperasian para pelaku itu.



Rajah 7: Panel daftar masuk dengan tajuk HTML 'VLiteUI' telah diperhatikan pada IP-IP yang juga menghoskan kit-kit pengeksploitasian MOONSHINE.

Analisis Trend Micro terhadap Dark Nimbus mendedahkan bahawa malware itu boleh memungut senarai berpanjangan maklumat yang terkandung pada alat peranti tersebut, dan bahawa ia berkomunikasi dengan C2 dengan menggunakan protokol XMPP.

Trend Micro juga mengarislakarkan bahawa di dalam sesetengah versi Dark Nimbus, mereka telah mengenalpasti prevalensi string 'DKNS'.

'**ansec[.]com**' (yang disenaraikan sebagai sebuah Dark Nimbus C2 oleh TrendMicro) juga telah diperhatikan dalam perkhidmatan-perkhidmatan XMPP bagi alamat-alamat IP lain yang berkhidmat untuk halaman-halaman web dengan DKNS dalam tajuknya:

- DKNS Android远程取证系统 (Sistem Forensik Jarak Jauh Androd DKNS) (DKNS Android Remote Forensic System)
- DKNS云网侦控平台 (Pelantar Penyiasatan dan Kawalan Awan DKNS) (DKNS Cloud Network Investigation and Control Platform)
- DKNS 云网侦控平台 (Pelantar Penyiasatan dan Kawalan Awan DKNS) (DKNS Cloud Network Investigation and Control Platform)
- DKNS远程控制侦查系统 (Sistem Penyiasatan Kawalan Jarak Jauh DKNS) (DKNS Remote Control Investigation System)

Satu lagi set alamat IP dengan '**ansec[.]com**' di dalam perkhidmatan XMPP mempunyai halaman-halaman web dengan tajuk:

- UPSEC互联网控制指挥系统 (Sistem Arahan Kawalan Internet UPSEC) (UPSEC Internet Control Command System)
- UPSEC无线侦控系统 (Sistem Pengintipan dan Kawalan Tanpa Wayar UPSEC) (UPSEC Wireless Surveillance and Control System)
- UPSEC重点人数据还原系统 (Sistem Pemulangan Kembali Data Individu Utama UPSEC) (UPSEC Key Person Data Restoration System)

Menurut Intelligence Online, 'UPSEC' yang diperhatikan dalam tajuk-tajuk halaman-halaman HTML itu merujuk kepada 'Sichuan Dianke Network Security Technology Co., Ltd'.

Kajian kes dua: BADBAZAAR

BADBAZAAR ialah sebuah malware mudah alih dengan varian-varian iOS dan Android yang telah menyasarkan individu-individu Uyghur, Tibet dan Taiwan. Spyware ini disebarkan melalui platform-platform media sosial dan stor-stor app rasmi. Laporan terkini daripada Volexity menunjukkan pelbagai varian BADBAZAAR berbeza, yang diasingkan sebagai BadSolar, BADBAZAAR dan BadSignal. Ketiga-tiga varian ini dirangkaikan bersama dengan fungsi-fungsi bertindih yang diguna untuk memungut maklumat alat peranti dan pengendali.

Kajian NCSC terhadap BADBAZAAR telah mendedahkan perkara-perkara berikut:

- Pegklusteran domain-domain C2 telah mendedahkan kaitan lanjut kepada domain-domain yang dilaporkan dalam risikan ancaman lampau.
- Server-server C2 dan sampel-sampel malware mendedahkan nama-nama hos yang dikaitkan dengan infrastruktur pelaku.
- Profil-profil lanjut yang diguna pelaku ancaman bagi penjanaan sosial untuk menyebarkan malware melangkaui stor-stor app rasmi.

Broker pengklusteran/domain WHOIS

'UJYJYUJ'

Analisis rekod-rekod WHOIS records bagi domain BADBAZAAR '**signalplus[.]org**' (dilaporkan oleh ESET) menunjukkan nilai '**UJYJYUJ**' dalam ruang '**State**'.

Carian domain lain dengan nilai sama telah mendedahkan domain-domain berikut yang patut diperhatikan:

- thetubeplus[.]com
- tubevideoplus[.]org
- pmumail[.]com
- signalplus[.]org

(Lihat Annex A, imej 1)

Domain-domain **signalplus[.]org**, **tubevideoplus[.]org** dan **thetubeplus[.]com** ialah domain-domain BADBAZAAR C2 yang telah dilaporkan, manakala ESET melaporkan sub-domain **mail.pmumail[.]com** sebagai satu server proksi FlyGram. FlyGram ialah sebuah app BADBAZAAR yang dibangunkan oleh pelaku siber berniat jahat (lihat Lampiran untuk satu senarai app-app BADBAZAAR lain).

Nilai-nilai berjalan papan kekunci

NCSC juga telah melihat corak berjalan papan kekunci serupa dalam domain-domain BADBAZAAR C2 berdaftar lain.

Contohnya, domain-domain berikut semuanya mempunyai nilai '**REWR**' yang diperhatikan dalam ruang '**State**' (sebagaimana yang digunakan dahulu):

- yumoftion[.]com
- fvbyavgyea[.]com
- jkiohreh[.]com
- pmstwocqn[.]com

(Lihat Annex A, imej 2)

Domains dengan nilai ruang keadaan 'FSDF'

Satu lagi set domain-domain C2 BADBAZAAR C2 mempunyai nilai '**State**' '**FSDF**':

- tryhrwserf[.]com
- tibetone[.]org
- comeflxyr[.]com

(Lihat Annex A, imej 3)

Laporan lampau dengan nilai-nilai berjalan papan kekunci

Penggunaan nilai-nilai berjalan papan kekunci dalam rekod-rekod domain-domain WHOIS BADBAZAAR juga boleh dilihat dalam penyasaran organisasi-organisasi Tibet yang dilaporkan dahulu oleh TA413. Recorded Future telah memperhatikan domain-domain yang dikawal-pelaku menipusamarkan ('spoofing') organisasi-organisasi Tibet dan penggunaan sebuah nilai organisasi pendaftar "**asfasf**".

clublogs[.]com

Sampel-sampel BADBAZAAR yang diperolehi Lookout mengandungi '**xle.clublogs[.]com'** sebagai domain C2. Domain root '**clublogs[.]com**' telah dihoskan pada alamat IP '**95.179.210[.]85**' dan mempunyai sebuah sijil SSL dengan subjek dan nilai pengeluar '**CN=WIN-50QO3EIRQVP**'. Nilai ini dipadankan dengan sijil-sijil SSL yang ditemui dalam sampel-sampel BADBAZAAR yang menggunakan pinning SSL untuk mengelakkan pemintasan komunikasi.

Sejarah lampau pengehosan alamat IP **95.179.210[.]85** telah memulangkan kembali domain-domain berikut yang patut diperhatikan:

- actuallys[.]com
- bre.myloughborough[.]com
- rewrwer[.]com
- www.voiceoftibet[.]net
- clublogs[.]com

(Lihat Annex A, imej 4)

www.voiceoftibet[.]net

Domain '**www.voiceoftibet[.]net**' nampaknya sedang menyamar sebagai stesen radio 'Voice of Tibet', serupa dengan TTP yang diguna oleh TA413.

Domain '**rewrwer[.]com**' ialah serupa dengan nilai '**State**' '**REWR**' yang dikenal pasti sebelum ini yang ditemui dalam rekod-rekod WHOIS domain-domain BADBAZAAR.

Domain-domain '**clublogs[.]com**', '**rewrwer[.]com**', '**voiceoftibet[.]net**' dan '**myloughborough[.]com**' kesemuanya telah didaftar dengan alamat e-mel '**tplutalova@list[.]ru**'.

actuallys[.]com

Rekod-rekod WHOIS untuk '**actuallys[.]com**' menunjukkan sebuah contoh di mana alamat e-mel tech dan admin ialah '**tplutalova@list[.]ru**' tetapi e-mel pendaftar ialah '**ivan_s81@mail[.]ru**'.

Maklumat WHOIS lampau untuk domain '**actuallys[.]com**' mendedahkan email pendaftaran '**wangminghua6@gmail[.]com**' yang disenarai pada 24 Februari 2016. Pada 11 Mac 2016, e-mel itu kemudian ditukar kepada '**ivan_s81@mail.ru**' walaupun tarikh luput pendaftaran pendaftarnya kekal sama.

wangminghua6@gmail[.]com

Alamat e-mel '**wangminghua6@gmail[.]com**' telah diguna untuk mendaftar domain-domain yang ditemui dalam laporan risikan ancaman lampau. Pada 2015, Palo Alto telah mengenal pasti e-mel yang diguna untuk mendaftar domain-domain C2 bagi malware tersebut, Cmstar. Pada 2014, ia juga telah

diguna untuk mendaftar domain-domain yang dikenal pasti oleh Mandiant dalam kempen-kempen pancingan yang dilakukan oleh APT3. Pada 2013, ia telah diguna untuk mendaftar domain-domain yang ditemui CrowdStrike dalam dropper malware dengan laluan sebuah Pangkalan Data Program (Program Database) (PDB) yang mengandungi huruf Cina. Hal ini mencadangkan pengkompilasian pada sebuah sistem China.

taoyujun@gmail[.]com

Domain '**hcjbtt[.]com**' telah didaftar dengan alamat e-mel '**taoyujun@gmail[.]com**' tetapi e-mel pentadbirnya telah didaftar dengan '**wangminghua6@gmail[.]com**'.

Tiada aktiviti berniat jahat yang dikaitkan dengan domain '**hcjbtt[.]com**', namun begitu alamat e-mel '**taoyujun@gmail[.]com**' telah ditemui dalam laporan perisikan ancaman lampau. Pada 2014, ia telah diguna untuk mendaftarkan sebuah domain yang ditemui oleh Mandiant dalam sampel-sampel '**Cueisfry Trojan**' yang diguna untuk menyasarkan organisasi-organisasi Jepun.

Alamat e-mel itu juga telah mendaftarkan domain-domain seperti '**iaea-international[.]org**' yang nampaknya menyamar sebagai **International Atomic Energy Agency** dan '**idc-ctbto[.]org**' menyamar sebagai **International Data Centre** di **Comprehensive Nuclear-Test-Ban Treaty Organisation (CTBTO).**

Rekod Whois lebih awal bagi domain '**iaea-international[.]org**' menunjukkan e-mel pendaftar sebagai '**wangminghua6@gmail[.]com**'.

udtglobals[.]com

Domain '**udtglobals[.]com**' telah diperhati menggunakan '**wangminghua6@gmail[.]com**' sebagai e-mel pentadbir dan '**ocean.nio@rediffmail[.]com**' sebagai alamat e-mel pendaftar. Rekod-rekod lain WHOIS bagi domain ini, menunjukkan e-mel pendaftar sama tetapi dengan alamat e-mel pentadbir '**taoyujun@gmail[.]com**'.

'**udtglobals[.]com**' nampaknya sedang menyamar sebagai '**UDT Global**' iaitu satu acara global bagi syarikat-syarikat pertahanan dan keselamatan bawah laut. Nama pengguna '**ocean.nio**' yang terkandung di dalam alamat e-mel itu mungkin meniru **National Institute of Oceanography (NIO)** yang wujud di pelbagai negara. Walapun penggunaan perkhidmatan e-mel '**Rediff**' (yang berpangkalan di India) mungkin mencadangkan penyamaran **Indian National Institute of Oceanography**.

Djibdiplomatie[.]com

Domain '**djibdiplomatie[.]com**' nampaknya menyamar sebagai perkhidmatan diplomatik Djibouti, yang mempunyai rekod WHOIS serupa dengan '**utdglobals[.]com**'**.** Satu rekod nampaknya menunjukkan pendaftar '**ocean.nio@rediffmail[.]com**' dan admin '**taoyujun@gmail[.]com**' manakala rekod-rekod lain menunjukkan '**wangminghua6@gmail[.]com**' sebagai alamat e-mel adminnya dengan '**ocean.nio@rediffmail[.]com**' sebagai e-mel pendaftar.

Kedua-dua domain ini juga mempunyai nilai jenis berjalan papan kekunci dalam rekod-rekod WHOIS. Contohnya, '**udtglobals[.]com**' mempunyai nilai '**ASDF**' sebagai bandar pendaftarannya dan '**djibdiplomatie[.]com**' mempunyai '**DAF DAGF**' sebagai nilai nama pendaftarnya. Hal ini boleh dibandingkan dengan nilai-nilai yang diperhatikan di dalam domain-domain BADBAZAAR lain.

Walaupun alamat-alamat e-mel '**wangminghua6@gmail[.]com**' dan '**taoyujun@gmail[.]com**' ditemui dalam rekod-rekod WHOIS bagi domain-domain yang menyamar sebagai sebuah **acara pertahanan bawah laut global, perkhidmatan diplomatik Dibouti** dan **International Atomic Energy Agency**, mereka juga diguna dalam rekod-rekod WHOIS bagi pelbagai domain-domain tidak berniat jahat.

Campuran penyamaran domain-domain dan domain-domain tidak berniat jahat mungkin mencadangkan kewujudan sebuah entiti pemerolehan-infrastruktur yang diguna untuk menyokong pengoperasian para pelaku siber berniat jahat.

Alamat e-mel '**ocean.nio@rediffmail[.]com**' hanya ditemui dalam domain-domain penyamar yang dijelaskan di atas. '**ivan_s81@mail[.]ru**' and '**tplutalova@list[.]ru**' telah mendaftarkan sejumlah sangat kecil domain-domain masing-masing, dan sesetengah daripada domain-domain ini telah dihoskan pada infrastruktur BADBAZAAR. Ketiga-tiga alamat e-mel ini dipercayai lebih berkait rapat dengan pengoperasian para pelaku siber berniat jahat. Ini ialah kerana bilangan tinggi domain yang dikaitkan dengan mereka adalah dikaitkan dengan aktiviti berniat jahat, berbanding e-mel '**wangminghua6@gmail[.]com**' dan '**taoyujun@gmail[.]com**'.

(Lihat Annex A, imej 5)

Kaitan kepada para pelaku ancaman lain

Satu lagi ciri biasa domain-domain yang terkait dengan BADBAZAAR '**actuallys[.]com**', '**clublogs[.]com**', '**myloughborough[.]com**', '**rewrwer[.]com**', dan '**voiceoftibet[.]net**' adalah mereka semua telah didaftar dengan eNom dan telah 'diletakkan' di '**255.255.255[.]254**'.

Berikutan siasatan NCSC sebelum ini, domain-domain lain dengan ciri-ciri ini telah mendedahkan aktiviti berkaitan dengan **APT5** pada 2019, dan **APT14** antara 2009 dan 2011.

Domain-domain yang terkait dengan APT5-mempunyai rekod-rekod WHOIS lampau yang menyenaraikan '**taoyujun@gmail[.]com**' sebagai alamat e-mel pendaftar.

Domain-domain yang terkait kepada APT14-linked domains mempunyai domain-domain tiga-huruf yang nampaknya mewakili sasaran yang diniatkan bagi operasi berniat jahat mereka. Satu contoh perkara ini ialah '**bae.cisconline[.]net**', yang mencadangkan niat untuk menyasarkan BAE Systems dan ditemui dalam sebuah sampel '**Poison Ivy**'.

Satu ciri serupa diperhati di dalam domain-domain BADBAZAAR di mana sub-domainnya berkait kepada nama app yang ditrojankan:

Tajuk Aplikasi	C2 URL
Muslim Pro	**mpp**.pmstwocqn[.]com
Video Player for Android	**vpf**.titeperformance[.]com
Batter Master	**bat**.androidupdated[.]net
Radio Afghanistan	**afg**.collinformations[.]com
EN-UG Dictionary Free	**eud**.titeperformance[.]com
Disk Video Recovery	**dvr**.collinformations[.]com
TextNow	**ttn**.titeperformance[.]com

Ia penting untuk mengambil maklum bahawa aktiviti-aktiviti berkaitan APT5 dan APT14 telah berlaku pada masa lampau dan terdapat domain-domain lain yang berdaftar dengan eNom dan telah diresolvekan ke **255.255.255.254**' yang tidak boleh dikaitkan dengan aktiviti berniat jahat. Oleh yang demikian, ia tidak dapat dipastikan bahawa pelaku-pelaku di sebalik kempen-kempen ini ialah orang yang sama atau ada kaitan antara mereka.

Nama-Nama Mesin

Analisis C2 BADBAZAAR dan sampel-sampel mendedahkan bahawa nama hos digunakan sebagai nilai 'Common Name' dalam sijil-sijil SSL. Siasatan NCSC terhadap nama hos yang diperhatikan di dalam sampel-sampel dan infrastruktur BADBAZAAR menunjukkan bahawa nama-nama hos ini telah diguna di merata-rata pelbagai alamat IP. Alamat-alamat IP ini ialah domain pengehosan yang ditemui dalam sampel-sampel BADBAZAAR. Terdapat butir-butir terperinci lanjut di dalam seksyen di bawah berkenaan nama-nama hos ini, serta alamat-alamat IP dengan nama hos yang mengehoskan domain-domain BADBAZAAR C2.

Di dalam hampir semua kes, kehadiran sijil-sijil dengan nilai nama hos bertindih dengan resolusi IP bagi nama-nama domain berniat jahat yang diperincikan, dan beberapa contoh-contoh kecil di mana ia bukannya kes ini juga telah digariskan.

WIN-EU0VLBL7TUJ

Nama hos '**WIN-EU0VLBL7TUJ**' telah diperhati dalam alamat-alamat IP berikut yang patut diperhatikan:

- '**116.203.53[.]21**' menghoskan domain-domain BADBAZAAR C2 '**uyapkfinder[.]com**' dan '**thewestuniverse[.]com**'.
- **'95.216.169[.]27**' menghoskan domain-domain BADBAZAAR C2 '**adysfunction[.]com'** dan sub-domain '**download.apkbazar[.]biz**' diperhati sebagai pautan muat turun bagi sebuah sampel BADBAZAAR.

(Lihat Annex A, imej 6)

WIN-70E59JVOB9G

Nama hos '**WIN-70E59JVOB9G**' telah diperhati dalam alamat-alamat IP berikut yang telah menarik perhatian:

- ‘**23.88.28[.]220**’ menghoskan sub-domain BADBAZAAR C2, **‘aua.rondwsign[.]com’, ‘nal.tokenmajorp[.]com’, ‘pep.rondwsign[.]com’** ‘**doa.rondwsign[.]com**’, dan **‘pls.rondwsign[.]com’.** Terdapat tempoh masa dua hari antara bila sijil dengan mesin ini kali terakhir dilihat, dan bila domain-domain berniat jahat pertama kali dilihat meresolve kepada IP.

- ‘**23.88.28[.]221**’ menghoskan sub-domain yang berkait dengan BADBAZAAR ‘**bt.bhvghg[.]com**’.

- **‘23.88.28[.]222**’ menghoskan domain-domain BADBAZAAR C2 ‘**tubevideoplus[.]org**’ and ‘**cde.mpoxcases[.]com**’.

- ‘**65.21.92[.]67**’ menghoskan sub-domain BADBAZAAR C2 ‘**bat.androidupdated[.]net**’. Ia juga menghoskan sub-domain ‘**apps.androidupdated[.]net**’ yang merupakan sebuah malware C2 DoubleAgent.

- ‘**65.21.92[.]77**’ menghoskan sub-domain BADBAZAAR C2 ‘**wyo.titeperformance[.]com**’, ‘**big.collinformations[.]com**’ ‘**vpf.titeperformance[.]com**’, ‘**eud.titeperformance[.]com**’ and ‘**afg.collinformations[.]com**’

- ‘**65.108.192[.]134**’ menghoskan domain-domain BADBAZAAR C2 ‘**upd.whoscaller.net**’. dan ‘**ggl.whoscaller[.]net**’.

- ‘**142.132.131[.]15**’ menghoskan domain-domain BADBAZAAR C2 ‘**bvn.lookincategory[.]com’** dan ‘**edr.lookincategory[.]com’.** Terdapat tempoh masa sebelas hari antara bila sijil dengan mesin ini kali terakhir dilihat, dan bila domain-domain berniat jahat pertama kali dilihat meresolve kepada IP.

- **‘142.132.131[.]20’** menghoskan sub-domain ‘**son.onlinegamersgroup[.]com’** dan ‘**system.onlinegamersgroup[.]com’**, yang dipercayai merupakan C2 BADBAZAAR kerana mereka telah dihoskan sewaktu sijil-sijil SSL berkaitan BADBAZAAR telah diperhatikan pada IP tersebut.

- '**142.132.131[.]28'** menghoskan sub-domain BADBAZAAR C2 '**goldplusapp[.]net**' dan sub-domain '**who.goldplusapp[.]net**' and '**cgf.goldplusapp[.]net**'.

- '**162.55.103[.]211**' menghoskan sub-domain BADBAZAAR C2 '**oha.alpinemap[.]net**', '**aru.alpinemap[.]net'**, '**aso.alpinemap[.]net**', '**afr.alpinemap[.]net**', dan '**aar.alpinemap[.]net**'.

- '**162.55.103[.]212**' menghoskan sub-domain BADBAZAAR C2 **'pep.rondwsign[.]com', 'ckp.jkiohreh[.]com', 'aar.tokenmajorp[.]com', 'nal.tokenmajorp[.]com', 'pls.rondwsign[.]com'** dan **'aua.rondwsign[.]com'.**

- '**195.154.47[.]99**' menghoskan sub-domain BADBAZAAR C2 '**ggl.whoscaller[.]net**' dan '**upd.whoscaller.net**'. Terdapat tempoh masa tiga hari antara bila sijil dengan mesin ini kali terakhir dilihat, dan bila domain-domain berniat jahat pertama kali dilihat meresolve kepada IP.

- '**195.154.60[.]3**' menghoskan sub-domain BADBAZAAR C2 '**upd.whoscaller[.]net**' '**ggl.whoscaller[.]net**'.

- '**212.83.189[.]89**' menghoskan sub-domain BADBAZAAR C2 '**wyo.titeperformance[.]com**', '**eud.titeperformance[.]com**', '**vpf.titeperformance[.]com**' dan '**afg.collinformations[.]com**'.

- '**212.129.21[.]168**' menghoskan sub-domain BADBAZAAR C2, '**fre.lookincategory[.]com**', '**tgr.lookincategory[.]com**', '**fgt.lookincategory[.]com**' '**luj.lookincategory[.]com**' dan '**bvn.lookincategory[.]com**'.

(Lihat Annex A, imej 7)

WIN-50QO3EIRQVP

Nama hos '**WIN-50QO3EIRQVP**' telah diperhati dalam alamat-alamat IP berikut yang telah menarik perhatian:

- '**45.76.132[.]91**' telah menghoskan domain-domain, '**yumoftion[.]com**', '**androidupdated[.]net**'. Kedua-dua domain yang dikaitkan dengan BADBAZAAR sebagai sub-domain '**fow.yumoftion[.]com**' dan '**bat.androidupdated[.]net**' adalah domain-domain C2 BADBAZAAR. Selain itu, sub-domain '**apps.androidupdated[.]net**' ialah sebuah domain C2 DoubleAgent C2. Ia juga mengehoskan domain '**pmstwocqn[.]com**', yang dikaitkan dengan BADBAZAAR melalui rekod-rekod WHOIS.

- '**95.179.210[.]85**' mengehoskan '**clublogs[.]com**', yang mana '**xle.clublogs[.]com**' ialah sebuah domain C2 BADBAZAAR C2 dan juga mengehoskan domain-domain yang terkait dengan BADBAZAAR '**bre.myloughborough[.]com**', '**img.rewrwer[.]com**', '**www.voiceoftibet[.]net**' dan '**actuallys[.]com**'.

- '**199.247.21[.]34**' mengehoskan '**titeperformance[.]com**', dan '**collinformations[.]com'** yang merupakan sub-domain bagi domain-domain C2 BADBAZAAR.

- '**217.69.10[.]128**' menghoskan domain BADBAZAAR C2 '**uyghurdict[.]com**'.

(Lihat Annex A, imej 8)

WMSvc-WIN-50QO3EIRQVP

Nama hos '**WIN-50QO3EIRQVP**' telah diperhati dalam alamat-alamat IP berikut yang telah menarik perhatian:

- **'78.46.185[.]251'** menghoskan domain BADBAZAAR C2 **'groupgram[.]org'**, yang dilaporkan Volexity sebagai menggunakan port 4432 untuk hubungan yang berniat jahat.

- **‘65.21.92[.]69’** dan **‘163.172.205[.]207’** mengehoskan domain **‘widelygram[.]org’** yang dipercayai ialah sebuah domain BADBAZAAR C2, kerana walaupun ia sedang dihoskan oleh kedua-dua IP, port 4432 kekal terbuka.

- **‘163.172.198[.]206’** mengehoskan domain **‘maxgram[.]org’** yang dipercayai ialah sebuah domain BADBAZAAR C2, kerana walaupun ia sedang dihoskan oleh kedua-dua IP, port 4432 kekal terbuka.

(Lihat Annex A, imej 9)

WMSvc-WIN-50QO3EIRQVP & WIN-7LSBB9R0F1L

Nama hos ‘**WMSvc-WIN-50QO3EIRQVP**’ dan ‘**WIN-7LSBB9R0F1L**’ telah diperhati serentak pada alamat IP berikut:

